



جانب اسلامي نگرى جوهر
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR,
BAUAGIAN PENDIDIKAN ISLAM,
Tingkat 3 & 4, Blok B,
Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar,
80990 Johor Bahru, Johor

No. Tel : 07-228 2928/30/32/33/55
Faks : 07-223 3178
Website : <http://bpi.johor.gov.my>
Emel : bpi@johor.gov.my



*Sila nyatakan rujukan bilangan surat kami
apabila menjawab*

Rujukan Kami : JAINJ.BPI. 301.04/130/8 Jld 1 ()
Tarikh : 4 Disember 2018

Pegawai Pendidikan Islam Daerah
Pejabat Pendidikan Agama Daerah
Johor Bahru/ /Muar/Batu Pahat/Kota Tinggi/ Kluang/
Segamat/Mersing/Pontian/ Mersing/Kulai/Tangkak

Tuan,

SURAT MAKLUMAN PENGGUNAAN KAEDAH PENULISAN BUKU PERSEDIAAN MENGAJAR GURU KAFA NEGERI JOHOR

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Seksyen KAFA, Unit Pengurusan Sekolah, Bahagian Pendidikan Islam Negeri Johor telah mengadakan Mesyuarat Pengurusan KAFA Bil 1 /2018 pada 29 April 2018 telah bersetuju mengekalkan dan mewajibkan guru KAFA **menggunakan kaedah penulisan jawi** di dalam Buku Persediaan Mengajar dan **tidak dibenarkan** menggunakan salinan bercetak sebagaimana yang telah diputuskan di para 5.1 di dalam Minit Mesyuarat KAFA Kali (1) Tahun 2018.

3. Sehubungan itu, dipohon kepada pihak tuan agar dapat memanjangkan makluman ini kepada pegawai, guru besar dan guru KAFA dibawah seliaan tuan.

Sekian untuk makluman dan tindakan selanjutnya.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang telah diamanahkan,

(HAJI ANOAR BIN SARIMIN)
Timbalan Pengarah (Pendidikan Agama)
Bahagian Pendidikan Islam
Jabatan Agama Islam Negeri Johor

s.k Ketua Unit Pengurusan Sekolah
Ketua Unit Pengurusan Akademik
Ketua Unit Pengurusan Pembangunan Pengurusan Kemanusiaan
Ketua Jemaah Naziran
Penyelia KAFA Daerah- daerah



PTPO
failkan:petakilg

MINIT MESYUARAT KAFA KALI (1) TAHUN 2018

Tarikh : 29 April 2018
 Masa : 9.30 pagi
 Hari : Ahad
 Tempat : Tingkat 3, Bilik Bincang
 Bahagian Pendidikan Islam

Kehadiran :	Ustaz Haji Anwar bin Sarimin Ustaz Md Radhi Ruslan Ustaz Mohd Zul bin Roslan Ustaz Hasidi bin Besah Puan Salina binti Rosli Puan Siti Faizah binti Tumar Puan Sanifah binti Sa'don Ustaz Zaini bin Mohsin Ustaz Uwais Al-Qarni bin Maz Hisham Ustaz Mohd Hafiz bin Mohd Aris Ustaz Musyiri bin Atan Ustaz Mohd Nasuha bin Abd Hamid Puan Wahzah binti Abu Puan Nor Arpah binti Hamsin Puan Sabariah binti Ariffin Cik Hummu Habibah binti Ismail Puan Natasya Noorhazura binti Mohd Basir Puan Rozaida binti Daud Puan Zarina binti A Manap Puan Kamariah binti Mansor Puan Norashidah binti Husuno Puan Siti Khalipah binti Mahmood Puan Siti Hasmaulizuana binti Mohd Ali Puan Rozlinawati binti Abd Azib Puan Norhani binti Abd Wahab Cik Faridah binti Ahmad Puan Junainah binti Sukiran Puan Noor Suziana binti Isnin	- Pengerusi - Setiausaha - Pencatat minit
-------------	---	---

1.0 UCAPAN Pengerusi

- 1.1 Mulakan dengan bacaan Umul Kitab dan bacaan doa oleh Ustaz Musyiri bin Atan
- 1.2 Pengerusi memaklumkan dan mengucapkan tahniah Negeri Johor telah mendapat ranking pertama dalam keputusan UPKK Peringkat Kebangsaan yang telah diumumkan pada 15 Januari 2018
- 1.3 Pengerusi memaklumkan isu guru KAFA yang mengajar di Sek Swasta yang melibatkan pembayaran elaun daripada kerajaan Negeri. Beliau juga memaklumkan supaya disemak semula kertas kerja tentang kelulusan pertama (elaun 112.00) kerajaan negeri memberikan kelayakan elaun kepada guru kafa yang mengajar di sekolah swasta.
- 1.4 Pengerusi mencadangkan bahawa agihan kouta guru KAFA ke daerah-daerah hendaklah mengikut keperluan daerah tidak perlu memenuhi kouta daerah sedangkan tiada keperluan untuk mengisi kekosongan daerah tersebut.
- 1.5 Pengerusi memaklumkan bahawa terdapat guru KAFA @ Penyelia KAFA yang mendapat markah SKT bawah 70 %. Beliau mencadangkan pihak Penyelia dan Pegawai Pendidikan Islam Daerah memaklumkan kepada guru besar agar dapat membuat tindakan samada diberikan amaran atau ditamatkan perkhidmatan mereka.
- 1.6 Pengerusi memaklumkan berkenaan penjualan buku latihan UPKK di daerah perlukan mengikut prosedur kewangan yang di benarkan mengikut pekeliling agar tidak berlaku sekiranya pihak audit membuat pemeriksaan tentang akaun dan penjualan buku di daerah.

2.0 PEMBENTANGAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Pembentangan minit mesyuarat kali (2) tahun 2017 dibentangkan oleh Puan Salina binti Rosli
- 2.2 Minit mesyuarat disahkan oleh Ustaz Zaini bin Mohsin dan disokong oleh Puan Norhani binti Abd Wahab

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

- 3.1 Temuduga terbuka untuk mengikuti Program Diploma Perguruan Malaysia (PDPM) – Kursus Dalam Cuti (KDC) Ambilan November 2017 untuk guru KAFA telah dilaksanakan pada 22 Mei 2017. Pengambilan tersebut telah dibatalkan dan tiada lagi pengambilan lagi di masa akan datang.

Tindakan : KAFA Negeri & IPGM

4.0 PERBINCANGAN :

4.1 Pemakluman Penutupan Akaun Amanah KAFA Negeri Johor dan Penyerahan ke Akaun Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor

- 4.1.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan & Akaun (JPKA), Bahagian Pendidikan Islam Bil 4/2017 bertarikh 31 Oktober 2017 telah memaklumkan bahawa pihak Perbendaharaan Negeri Johor telah bersetuju Cadangan Penutupan Akaun-Akaun di Bahagian Pendidikan Islam dan disatukan ke Akaun Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor termasuk Akaun Amanah KAFA Negeri Johor. Penutupan akaun itu perlu disegerakan proses penutupan sebelum 10 Mei 2018.

Tindakan : KAFA Negeri

- 4.1.2 Pengerusi memaklumkan bahawa pembukaan akaun-akaun di daerah dan sekolah (akaun guru besar sekolah) adalah tanggungjawab dan kelulusan di bawah Pegawai Pendidikan Islam Daerah.

Tindakan : KAFA Daerah & PPID

- 4.1.3 Pengerusi mencadangkan agihan **hibah (Dividen)** bulanan dan tahunan LKWAONJ (Akaun Bank Rakyat) hendaklah dibahagikan kepada 3 akaun mengikut jumlah simpanan masing-masing. Keuntungan itu boleh digunakan untuk aktiviti –aktiviti atau pembelian barangan

Tindakan : LKWAONJ

4.2 Kursus-Kursus Guru KAFA 2018 – Sumbangan Permodalan Darul Takzim

- 4.2.1 Mesyuarat memaklumkan bahawa Permodalan Darul Takzim telah meluluskan peruntukan untuk Kursus Jangka Pendek Guru KAFA Negeri Johor tahun 2018 berjumlah RM 100,000.00 untuk kali ke 2 kepada seksyen KAFA sebagai sumbangan peruntukan Tabung Latihan Kemahiran Penjawat Awam.

- 4.2.2 Kursus yang dicadangkan sebanyak 3 kursus dijangka akan dibuat pada bulan Julai dan Ogos 2018 iaitu :

- i) Kursus Pendedahan Pengajaran & Pembelajaran (PdP)Guru KAFA Lantikan Baru Tahun 2018 dan berpindah dari negeri lain.
- ii) Kursus Pemantapan Sahsiah ASWAJA
- iii) Kursus Pemantapan Pengajaran Al-Quran & Pendidikan Jawi

Tindakan : KAFA Negeri

4.3 Pemakluman Permohonan Semula Pertambahan Pertambahan Peruntukan dan Penyelarasan Elaun Kerajaan Negeri

- 4.3.1 Mesyuarat memaklumkan Seksyen KAFA telah membuat Permohonan Semula Kertas Kerja Pertambahan Peruntukan dan Penyelarasan Pembayaran Elaun Kerajaan Negeri pertambahan kouta 1850 orang diselaraskan dengan kouta 150 orang guru KAFA lantikan JAKIM yang mengajar 3 jam 3 hari diselaraskan kepada 4 ½ jam 5 kouta JAKIM seramai 2000 orang. Kertas kerja tersebut akan dibawa kepada Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam pembentangan bajet 2019

Tindakan : KAFA Negeri

4.4 Pendaftaran Calon UPKK 2018

- 4.4.1 Mesyuarat memaklumkan bahawa pendaftaran calon UPKK telah dibuka dari bulan Januari hingga 30 Mac 2018 yang dikemaskini dalam atas talian (SIMPENI) yang dilaksanakan oleh JAKIM. Jumlah calon UPKK 2018 sehingga April 2018 adalah seramai 27,274 orang yang melibatkan 605 buah pusat peperiksaan seluruh negeri Johor.

Tindakan : KAFA Negeri

4.5 Cadangan Peruntukan Aktiviti –aktiviti Seksyen KAFA Negeri Johor tahun 2018

- 4.5.1 Mesyuarat bersetuju mencadangkan permohonan kelulusan peruntukan kursus/bengkel Seksyen KAFA Negeri Johor tahun 2018 di bawa kepada Pengarah dan Bendahari Negeri Johor, LKWAQINJ. Peruntukan berjumlah RM 50,000.00 melibatkan 6 aktiviti yang akan diadakan pada bulan Julai – Disember 2018

- i) Kursus Pembangunan Staff
- ii) Bengkel Semakan Pendaftaran UPKK dalam SIMPENI
- iii) Kursus Pemantapan Pengurusan Pejabat & Pengendalian Mesyuarat
- iv) Bengkel Analisa Keputusan UPKK Peringkat Negeri tahun 2018
- v) Bengkel BIKP & Slip Keputusan UPKK Peringkat Negeri tahun 2018
- vi) Majlis Perisytiharan Keputusan UPKK Peringkat Negeri tahun 2018

Tindakan : KAFA Negeri

4.6 Cadangan Agihan Peruntukan aktiviti-aktiviti pengurusan UPKK untuk KAFA Daerah 2018

4.6.1 Mesyuarat bersetuju agihan peruntukan aktiviti –aktiviti pengurusan UPKK untuk KAFA Daerah 2018. Aktiviti yang berkaitan pengurusan UPKK seperti bengkel/kursus/taklimat/penandaan dan Majlis isytihar UPKK.

4.6.2 Mesyuarat memaklumkan agihan peruntukan berjumlah RM 100,000.00 ke daerah-daerah seperti berikut:

i)	Johor Bahru	-	RM 22,000.00
ii)	Batu Pahat	-	RM 15,000.00
iii)	Muar	-	RM 13,000.00
iv)	Kota Tinggi	-	RM 10,000.00
v)	Kluang	-	RM 9,000.00
vi)	Pontian	-	RM 9,000.00
vii)	Kulai	-	RM 7,000.00
viii)	Segamat	-	RM 7,000.00
ix)	Tangkak	-	RM 4,000.00
x)	Mersing	-	RM 4,000.00

4.6.3 Mesyuarat memaklumkan bahawa penyelia KAFA Daerah hendaklah membuat perancangan awal aktiviti–aktiviti yang akan dibuat mengikut peruntukan agihan yang telah diberikan. Penyelia KAFA perlu membuat kertas konsep dan jadual serta surat makluman yang ditandatangani oleh PPID sebelum 6 Mei 2018

Tindakan : KAFA Daerah

4.7 Pengambilan Guru KAFA untuk mengikuti Pengajian Diploma Perguruan Lulusan Ijazah (DPLI) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

4.7.1 Mesyuarat memaklumkan taklimat pengambilan Guru KAFA untuk mengikuti Pengajian Diploma Perguruan Lulusan Ijazah (DPLI) di Universiti Sultan Idris (UPSI) telah diadakan pada 28 September 2017 di Pejabat Pendidikan Islam Daerah Batu Pahat yang dihadiri seramai 138 orang guru KAFA yang mempunyai ijazah. Pihak UPSI telah menawarkan seramai 102 orang yang mengikuti DPLI di cawangan Johor Bahru seramai 53 dan cawangan Batu Pahat seramai 49 orang

Tindakan : Makluman

4.8 Pelantikan Guru KAFA Baru Tahun 2018

4.8.1 Mesyuarat memaklumkan bahwa pengambilan guru KAFA Lantikan Baru tahun 2018 untuk memenuhi kuota JAKIM waktu mengajar 3 Jam seramai 150 orang (Lantikan 1 Mac 2018 & 1 April 2018 & 2 Mei 2018)

i)	Johor Bahru	-	75 orang
ii)	Batu Pahat	-	TIADA
iii)	Muar	-	21 orang
v)	Pontian	-	1 orang
vi)	Kluang	-	3 orang
vii)	Kota Tinggi	-	20 orang
viii)	Kulai	-	TIADA
ix)	Segamat	-	18 orang
x)	Mersing	-	5 orang
xi)	Tangkak	-	7 orang

Tindakan : Makluman

5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 Mesyuarat bersetuju mengekalkan dan mewajibkan guru KAFA menulis dengan tulisan Jawi di dalam Buku Persediaan Mengajar dan tidak dibenarkan menggunakan salinan bercetak sebagaimana dalam Garis Panduan KAFA tahun 2011. Surat makluman arahan akan diberikan kepada Pegawai Pendidikan Islam Daerah.

Tindakan : KAFA Negeri dan Daerah

5.2 Mesyuarat memaklumkan bahawa ganjaran tahunan penyelia KAFA masih dalam proses pembayaran secara berperingkat dari tahun 2015 hingga 2017. Pembayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) masih belum dibayar dari tahun 2011 -2017.

Tindakan : JAKIM

5.3 Mesyuarat memaklumkan bahawa pihak JAKIM telah membuat perubahan dan penambahbaikan kurikulum KAFA dan akan dilaksanakan pada tahun 2019.

Tindakan : JAKIM

5.4 Mesyuarat memaklumkan bahawa negeri Johor memohon kepada JAKIM agar dapat mengisikan kekosongan penyelia KAFA seramai 2 orang iaitu daerah batu pahat dan ibu pejabat .

Tindakan : KAFA Negeri dan JAKIM

4.8 Pelantikan Guru KAFA Baru Tahun 2018

4.8.1 Mesyuarat memaklumkan bahawa pengambilan guru KAFA Lantikan Baru tahun 2018 untuk memenuhi kuota JAKIM waktu mengajar 3 Jam seramai 150 orang (Lantikan 1 Mac 2018 & 1 April 2018 & 2 Mei 2018)

i)	Johor Bahru	-	75 orang
ii)	Batu Pahat	-	TIADA
iii)	Muar	-	21 orang
v)	Pontian	-	1 orang
vi)	Kluang	-	3 orang
vii)	Kota Tinggi	-	20 orang
viii)	Kulai	-	TIADA
ix)	Segamat	-	18 orang
x)	Mersing	-	5 orang
xi)	Tangkak	-	7 orang

Tindakan : Makluman

5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 Mesyuarat bersetuju mengekalkan dan mewajibkan guru KAFA menulis dengan tulisan Jawi di dalam Buku Persediaan Mengajar dan tidak dibenarkan menggunakan salinan bercetak sebagaimana dalam Garis Panduan KAFA tahun 2011. Surat makluman arahan akan diberikan kepada Pegawai Pendidikan Islam Daerah.

Tindakan : KAFA Negeri dan Daerah

5.2 Mesyuarat memaklumkan bahawa ganjaran tahunan penyelia KAFA masih dalam proses pembayaran secara berperingkat dari tahun 2015 hingga 2017. Pembayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) masih belum dibayar dari tahun 2011 -2017.

Tindakan : JAKIM

5.3 Mesyuarat memaklumkan bahawa pihak JAKIM telah membuat perubahan dan penambahbaikan kurikulum KAFA dan akan dilaksanakan pada tahun 2019.

Tindakan : JAKIM

5.4 Mesyuarat memaklumkan bahawa negeri Johor memohon kepada JAKIM agar dapat mengisikan kekosongan penyelia KAFA seramai 2 orang iaitu daerah batu pahat dan ibu pejabat .

Tindakan : KAFA Negeri dan JAKIM

6.0 PENUTUP

6.1 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tgh

Disediakan oleh :



.....
(SALINA BINTI ROSLI)

Setiausaha

Seksyen KAFA

Bahagian Pendidikan Islam

Disemak oleh :



.....
(HAJI ANOAR BIN SARIMIN)

Pengerusi

Timbalan Pengarah(Pendidikan Agama)

Bahagian Pendidikan Islam